

KEPERLUAN BADAN KHAS YANG MENGAWAL SELIA INSTITUSI PENDIDIKAN TAHFIZ DI NEGERI JOHOR THE NEEDS OF A SPECIAL BODY IN THE SUPERVISION OF TAHFIZ INSTITUTIONS IN JOHOR

**Mohd Nazir Kadir¹, Mohd Hazwan Nor Hashim², Abd Khalim Kasmuri³, Siti
Intan Dahlia Mohammad Harun³**

¹*Ketua Pusat Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Jln. Heman, Larkin, Johor Darul Ta'zim.
Email: pi@marsah.edu.my*

²*Calon Doktor Falsafah (PhD), Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tg. Malim,
Perak. Email: hazwan_hashim85@yahoo.com*

³*Pensyarah Program Tahfiz Al-Quran, Sekolah Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH),
Jln. Heman, Larkin, Johor Darul Ta'zim. Email: abd.khalimh@yahoo.com & intandahlia@marsah.edu.my*

ABSTRAK : *Institusi pendidikan tahfiz di Malaysia semakin mendapat perhatian sama ada di kalangan masyarakat mahupun pihak pemerintah. Namun di sebalik kewujudan madrasah atau maahad tahfiz tersebut timbul beberapa isu yang berkait. Oleh itu kajian kecil ini dijalankan bagi meninjau isu-isu berkaitan dan seterusnya membuat beberapa cadangan bagi menangani isu-isu tersebut. Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah analisis kes dan temubual dari responden yang terdiri daripada pegawai Jabatan Agama Islam dan Pengetua atau Mudir pusat tahfiz. Maklumat dan data yang diperolehi adalah berdasarkan sumber autoriti iaitu data Jabatan Agama Islam Negeri. Selain itu sumber surat khabar juga menjadi salah satu rujukan terutama isu-isu berkaitan. Kemudian maklumat dan data tersebut diolah dan disimpulkan berdasarkan analisis kes yang diperolehi dengan melihat kekurangan dari sudut peruntukan undang-undang dan pelaksanaan yang timbul sama ada dari pihak umara' (pemerintah) mahupun pusat-pusat tahfiz itu sendiri. Di akhir penulisan, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan agar institusi tahfiz di negeri Johor mempunyai piawaian standart sama ada dari sudut hafazan, kurikulum, pengurusan dan hala tuju institusi dan pelajar.*

ABSTRACT : *Tahfiz Education Institution in Malaysia has been more being given focus upon by both the community and the government. However, there are several related issues that crops up behind the existence of both Madrasah or Maahad Tahfiz. Therefore, a small scale survey is done to look closely into those related issues with some suggestion to overcome the issues related to their existence. The methodology used to analyse these surveillance is by performing interviews. The respondent represented by officers from Islamic Religious Department, Principals or Rector of the individual Tahfiz Centre. All information and data will be taken from the authorized source that is from the State Islamic Religious Department and other source will be from newspapers as references especially on the related issues. All the information and data collection will be synthesized and evaluated according to the legal aspect of weaknesses regarding the implementation whether it from the goverment or from the individual Tahfiz Centre themselves. By the end of this write up, the researcher will also be presenting suggestions for all Tahfiz Institution Centre in the state of Johor to follow standard operational procedures (SOP) from the aspect of Hafazan, Curriculum, Management and the future pathway for both the Institution and students.*

KEYWORDS: *Institusi Pendidikan Tahfiz, Tahfiz Negeri Johor, Kurikulum dan Tahfiz Quality Assurance (TQA)*

I. PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan sebuah kitab samawi yang diturunkan kepada umat manusia melalui perantara Nabi Muhammad SAW yang disampaikan oleh Jibril a.s. Metod penerimaan baginda SAW dari Jibril a.s. adalah berdasarkan hafazan semata-mata dan kemudiannya Jibril a.s. menunjuki dan mengajar makna dan penafsiran ayat demi ayat sehingga baginda SAW benar-benar faham (Manna' al-Qattan 2015). Allah telah memudahkan kepada manusia untuk menghafalnya (Surah *al-Qamar*, 54:17) dan Allah jualah yang akan memelihara Al-Quran dari segala usaha-usaha penyelewengan dan perubahan (Surah *al-Hijr*, 15: 9).

Menghafal al-Quran merupakan satu usaha dalam memelihara kesucian al-Quran dan daya usaha dalam menangkis cubaan-cubaan pemalsuan al-Quran itu sendiri. Kerana al-Quran juga seseorang itu dimuliakan atau sebaliknya sebagaimana sabdaan Baginda SAW yang terjemahannya, “Sesungguhnya Allah mengangkat darjat sesuatu kaum dengan kitab (Al-Quran) dan merendahkan kaum yang lain juga dengan Al-Quran”.

II. PENDIDIKAN TAHFIZ DI NEGERI JOHOR

Pendidikan Tahfiz di negeri Johor bolehlah dibahagikan kepada dua, secara formal dan tidak formal. Maksud tidak formal adalah seperti kelas-kelas al-Quran yang diadakan sama ada di masjid atau surau dan termasuk juga di rumah guru dan istana. Tempoh ini berlaku sejak mula kehadiran agama Islam di Nusantara dengan kedatangan para pendakwah menyebarkan agama Islam. Lazimya pendidikan tahfiz dijalankan secara individu dan tidak rasmi. Kaedah mengajar yang digunakan adalah berdasarkan pengalaman guru al-Quran (Ahmad Mohd Salleh 2008). Walaupun tarikh mula kehadiran Islam ke Nusantara masih menjadi perkara yang belum disepakati oleh para sarjana, namun beberapa pengkaji menemukan beberapa bukti sama ada bukti bertulis dalam kitab Melayu lama dan batu bersurat atau batu nisan mendapati Islam telah wujud tanah Melayu adalah awal. Bukti sokongan fakta ini sebagaimana yang dianalisis oleh seorang pengkaji Nusantara, Ustaz Hj Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1999) berkata :

“Bolehlah dikatakan bahawa kehadiran agama Islam telah pun bermula ketika zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi hingga tahun 1400an kerana sepanjang tahun 1400 hingga 1500 ramai muballigh yang telah mengislamkan orang di beberapa tempat alam Melayu”.

Pendidikan Tahfiz secara formal pula yang beroperasi di sesebuah institusi pendidikan seperti madrasah atau maahad, sekolah dan seumpamanya antara lain yang utama adalah dengan melibatkan pihak pemerintah negeri. Md Som Sujimon (2013) menyatakan, pada umumnya penubuhan sekolah agama adalah menurut kehendak rakyat Johor agar mendapat pendidikan agama dengan mudah secara berkumpulan. Kedudukan Johor sebagai negeri di bawah naungan kesultanan Melayu Johor dipelopori keturunan Sultan Ibrahim mengambil berat tentang peripentingnya ilmu pengetahuan atau pendidikan. Antara kronologi penubuhan sekolah agama kerajaan Johor adalah bermula pada tahun 1885 dengan dimulai dengan penubuhan Sekolah al-Quran, iaitu satu-satunya sekolah yang berpendidikan agama di bawah Guru Besar Encik Ismail bin Shaib (Mohd Zul Roslan et. al 2018). Penubuhan Sekolah al-Quran ini adalah berdasarkan titah baginda Sultan (Kamarul Azmi 2018). Sejak bermulanya pengintitusian Pendidikan Islam dalam Kerajaan Johor dan diwajibkan pula kepada rakyat negeri untuk mengikutinya melalui undang-undang tubuh kerajaan negeri pada tahun 1915, perkembangan pesat Pendidikan Islam di Johor bergerak pesat.

III. LATAR BELAKANG KAJIAN

Usaha memartabatkan tilawah al-Quran di Malaysia secara rasmi dimulai dengan wujudnya Majlis Tilawah al-Quran yang mula diperkenalkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PERKEMBAR) pada tahun 1947. Buat pertama kalinya majlis tersebut diadakan di Masjid Jami' Abu Bakar, Johor Bahru, Johor pada 4 September 1947. Kemudian apabila Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menjadi Perdana Menteri, baginda meneruskan usaha ini dengan menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Pertama pada 18 Mac 1960 bersamaan 20 Ramadhan 1379H (JAKIM 2003a). Seterusnya di peringkat antarabangsa pula dimulai pada 9 Mac 1961 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur atas cadangan Tuanku sendiri (JAKIM 2003b).

Pendidikan tahfiz Malaysia secara rasminya bermula pada tahun 1966 apabila Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tuanku Abdul Rahman Putera Al-Haj melahirkan hasrat untuk mewujudkan sebuah Institut Pengajian al-Quran di Malaysia. Hasrat ini telah dinyatakan sewaktu perasmian Masjid Negara di mana idea ini timbul ekoran daripada Musabaqah Al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 tersebut serta lawatan Rektor Universiti Al-Azhar Sheikh Mahmud Syaltut di perasmian Masjid Negara tersebut. Sebagai permulaan, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat ditubuhkan sebagai salah satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (darulquran.gov 2018). Bermulalah pengajian Tahfiz al-Quran di Dewan Syarahan Masjid Negara pada 1 Mac 1966 dengan jumlah seramai 8 orang pelajar sebagai perintis yang dipilih dan dihantar oleh negeri-negeri di Malaysia. Kelas tersebut dipimpin oleh Mohd Nor Hj. Ibrahim (Dato') selaku Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Antara pelajar yang terlibat ialah Abu Hassan bin Lebai Din (Dato'), Syeikh Ismail bin Mohamad (Dato'), dan Salehuddin bin Omar (mantan Pengetua Ma'ahad Tahfiz al-Quran BAHEIS) (JAKIM 2003c).

Namun di sebalik kewujudan Madrasah/ Maahad tahfiz persendirian, dalam tempoh beberapa tahun terdekat ini timbul insiden-insiden yang berlaku melibatkan beberapa aspek berkaitan institusi pendidikan tahfiz di tanah air. Malah menurut sumber internet, sejak tahun 2007 hingga September 2017 disenaraikan beberapa kronologi yang membabitkan pusat tahfiz di Malaysia (says.com 2018). Perkara tersebut telah mendatangkan beberapa tohmahan dan kritikan seterusnya beberapa cadangan menaiktarafkan dari sudut keselamatan, sistem pengurusan pentadbiran, lokasi premis, sistem pembelajaran dan pengajaran (PdP) dan sebagainya. Berikut adalah beberapa kejadian yang berlaku terhadap madrasah/ maahad tahfiz di Malaysia dan beberapa berdasarkan laporan akhbar dan media masa:

- I.1 Merujuk kepada keratan akhbar Astro Awani bertarikh 14 September 2017, seramai 23 orang terkorban, tiga kritikal dan dua separa kritikal dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah (DQI), Kampung Datok Keramat. (Astroawani.com 11 Februari 2018). Rentetan itu ada yang menyuarakan **masalah pengurusan dan pentadbiran** (Roketkini.com 11 Februari 2018).
- I.2 Antara berita dari Berita Harian (BH Online) :
 - I.2.1 Bertarikh 23 Oktober 2017. Kebakaran pada sebahagian ruang asrama sebuah sekolah tahfiz dekat Kampung Bukit Lanchung di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Akademi Ihya Ul-Quran Tahfiz yang dipercayai berpunca daripada kebakaran kecil apabila sebuah bantal terbakar selepas terkena bara ubat nyamuk. Sebelumnya pusat tahfiz tersebut sudah pun dilawati Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Pihak pengurusan Akademi Tahfiz telah pun menyediakan alat pemadam api dan membuat pengubahsuaian terhadap tangga kecemasan seperti disarankan jabatan berkenaan (05 Mac 2018).
 - I.2.2 19 Februari 2018. Sebuah balai raya yang dijadikan asrama sementara bagi pelajar Madrasah Tahfiz Al Ridzuan telah terbakar di Kampung Dato' Ahmad Razali, Dengkil, Selangor (05 Mac 2018).
 - I.2.3 09 Oktober 2017. Empat bilik asrama pelajar lelaki Pusat Pengajian dan Tahfiz Nur Al-Quran, Rantau Panjang, Klang, Selangor musnah terbakar (05 Mac 2018).
 - I.2.4 29 Julai 2017. SEPANG: Dua unit asrama penginapan Maahad Tahfiz Al-Baraqah di Jalan Salak Besar di Sepang, Selangor musnah dalam kebakaran ketika kesemua pelajar tidur melibatkan dua blok asrama yang menempatkan 100 pelajar lelaki terbakar 100 peratus manakala sebuah bangunan pejabat bersebelahan pula terbakar 30 peratus (05 Mac 2018).
 - I.2.5 Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN) Profesor Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi Ab Majid berkata, apa yang berlaku membabitkan kepincangan dan kedaifan sekolah pondok dan tahfiz di negara ini salah satu berpunca daripada kelemahan **pentadbir di peringkat pusat dan negeri** untuk

memantau perkembangan institusi pondok dan maahad tahfiz swasta secara bersepadu (Malaysia dateline.com 15 Februari 2018).

- I.2.6 Dr Azizi Umar, Pensyarah Kanan Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengemukakan persoalan dan cadangan bahawa persoalan siapa yang perlu **beri para guru latihan dan kelayakan iktisas?** Masalah utama adalah **isu kekangan kewangan**. Beliau juga mencadangkan agar para guru diberi latihan pengajaran sekalipun tidak dibenarkan mengikuti latihan pengajaran formal kursus dalam cuti, mereka boleh dipertimbangkan mengikuti kursus latihan tertentu (BH Online 15 Februari 2018).
- I.2.7 Ustaz Ahmad Zahidi Mohamed Unit Pengawasan Sekolah Islam, Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menerusi emelnya bertarikh 20 Februari 2018 menyatakan kebanyakan Jemaah Pengurusan Sekolah (JPS) atau pengusaha tahfiz tidak cakna tentang keperluan dan kewajiban memenuhi **peruntukan undang-undang** yang terpakai antaranya Enakmen Pengawasan Sekolah-Sekolah Agama Islam setiap negeri, Akta Pendidikan 1996 (akta 505), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (akta 514), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (di bawah Pihak Berkuasa Tempatan - PBT), Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya. Isu lain kebanyakan JPS **melantik guru** di kalangan mereka yang tidak mempunyai pengiktirafan sijil daripada JPA, kelayakan tenaga pengajar hendaklah berdasarkan kesesuaian dengan apa yang bakal di ajar, **status premis bangunan** hendaklah dinyatakan secara jelas dan mempunyai akuan secara bertulis oleh pemilik tanah/premis dan **kurikulum atau silibus** hendaklah yang diiktiraf oleh Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam Negeri.

IV. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah analisis kes dan temubual dari responden yang terdiri dari pegawai Jabatan Agama Islam Negeri dan Pengetua atau Mudir pusat tahfiz. Maklumat dan data yang diperolehi adalah berdasarkan sumber autoriti iaitu data Jabatan Agama Islam Negeri. Selain itu sumber surat khabar juga menjadi salah satu rujukan terutama isu-isu berkaitan. Kemudian maklumat dan data tersebut diolah dan disimpulkan berdasarkan analisis kes yang diperolehi dengan melihat kekurangan dari sudut peruntukan undang-undang dan pelaksanaan yang timbul sama ada dari pihak *umara'* (pemerintah) mahupun pusat-pusat tahfiz itu sendiri.

V. PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Kajian ini adalah menumpukan bagi negeri Johor Darul Ta'zim sahaja. Walaupun beberapa kejadian yang berlaku adalah di seluruh tanahair, namun ia tidak menafikan berlakunya di negeri Johor. Tuan Hj Radhi bin Ruslan selaku Penolong Pengarah Kanan, Unit Pengurusan Sekolah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) memberitahu, data terkini adalah sebanyak 122 buah pusat tahfiz di negeri Johor yang berdaftar. Dari jumlah tersebut hanya 59 buah sahaja yang lulus dan mendapat status pendaftaran penuh (selama 5 tahun) dan selebihnya hanya mendapat pendaftaran sementara (selama 6 bulan).¹ Namun yang menjadi persoalan adalah pastinya terdapat lagi pusat-pusat tahfiz di negeri ini yang masih belum membuat permohonan atas alasan yang pelbagai. Menurut Ustaz Mohd Afifuddin bin Md Jamil, Mudir Tahfiz, Madrasah Tahfiz Al-Quran At-Tanwiriah, Muar berkata antara sebabnya adalah persepsi awal di kalangan pemilik pusat tahfiz bahawa selepas pendaftaran pusat tahfiz mereka akan diambilalih oleh JAINJ dan seterusnya mengubah kurikulum dan aktiviti yang sedia ada.² Dalam masa yang sama menurut Ustaz Md Rahim bin Jaferi, Penyelia Seksyen Pendaftaran Unit Pengurusan Sekolah JAINJ memberitahu,

¹ Temubual diambil pada 04 Mac 2018, pukul 3.15 hingga 4.00 petang di Pejabat Bahagian Pendidikan, JAINJ.

² Temubual diambil pada 18 Feb 2018 di Muar.

kebanyakan pusat tahfiz yang mendapat sijil pendaftaran sementara adalah disebabkan masalah dari sudut tidak mendapat kelulusan dari pihak Jabatan Bomba, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (akta 341).³

Dari sudut yang lain Tuan Hj Radhi bin Ruslan memberitahu antara isu-isu yang timbul berkaitan pusat-pusat tahfiz adalah syarat JAINJ meletakkan minimum adalah sebanyak 10 juz bagi sepanjang tempoh pengajian. Terdapat pusat tahfiz yang tidak meletakkan syarat tersebut. Selain itu tiada latihan PdP kepada guru-guru al-Quran, tiada keseragaman silibus dan kurikulum, tiada keselarasan kaedah PdP, kekurangan pegawai pemantauan dari pihak JAINJ, belum ada penyelarasan persijilan yang menyeluruh terhadap semua pusat tahfiz, kekhawatiran pihak pusat tahfiz selepas pendaftaran dan ketidakmampuan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JAINJ. Justeru berdasarkan maklumat dan sebahagian isu-isu yang timbul dengan dikuatkuasakan telah lama institusi pendidikan tahfiz di negeri Johor, menjadi keperluan mewujudkan satu badan khas yang mengawal selia dari semua aspek supaya lebih tersusun, seragam dan mempunyai 'standard' bagi negeri Johor. Di samping memberi laluan kepada pelajar apabila telah tamat pengajian.

Terdahulu pada 8 Disember 2014 bertempat di Hotel Selesa Johor Bahru telah dianjurkan satu kolokium di peringkat negeri bagi membincangkan pelan pembangunan kurikulum Tahfiz yang boleh dilaksanakan di semua sekolah dan Maahad Tahfiz di Negeri Johor. 10 buah kertas kerja telah dibentangkan mencakupi aspek pengurusan dan pelaksanaan sekolah tahfiz. Antara pembentang tersebut terdiri dari wakil MARSAH, Pusat Islam UTM Skudai, Pusat Asasi UIAM, USIM dan wakil dari Bahagian Pendidikan Islam JAINJ (Buletin Pendidikan 2015).

Seterusnya berdasarkan Resolusi Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran Peringkat Antarabangsa, sempena Sambutan Jubli Emas Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 14 resolusi telahpun dibentangkan antaranya dicadangkan:

- i. Diadakan beberapa kursus dan program yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi meningkatkan kemahiran guru tahfiz.
- ii. Diwujudkan satu badan atau majlis perlu diwujudkan bagi menjaga kualiti penghafaz al-Quran serta membuat pengukuran tahap hafazan mereka (darul quran.gov 08 Februari 2018).

Abd Rahman Abd Ghani et al. (2012) dalam artikel bertajuk Pengurusan Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Selangor menyatakan (1) Pihak berwajib perlu menubuhkan satu jabatan khas yang bertanggungjawab untuk menyediakan bantuan kewangan dan keperluan untuk penubuhan, memantau proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mengelakkan dari berlakunya penyelewengan fahaman. Pihak berwajib juga perlu membuat pemantauan dari semasa ke semasa terhadap kelayakan guru-guru dengan mengambil tauliah.(2) Dari pihak institusi pula perlu menghantar guru-guru menghadiri program-program kursus, seminar dan bengkel yang berkala untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan, kemahiran, pengetahuan dan motivasi dalam bidang tahfiz. Mereka perlu mempertingkatkan kebajikan guru-guru tahfiz selaras dengan kelulusan dan kelayakan mereka seperti gaji, KWSP dan sebagainya serta menyelaraskan syarat-syarat kelayakan masuk pelajar dari segi tahap umur, peringkat kelulusan pelajar dan sebagainya.

Menurut Abdul Hafiz bin Haji Abdullah et al. (2005) bagi institusi tahfiz al-Quran yang mempunyai kurikulum tahfiz dan akademik secara serentak, pembahagian masa di antara kedua-dua bidang tersebut perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbir. Ini kerana terdapat segelintir pelajar yang tidak pandai membahagikan masa mereka secara berkesan.

³ Temubual diambil pada 04 Mac 2018, pukul 3.30 hingga 4.00 petang di Pejabat Bahagian Pendidikan, JAINJ.

VI. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan dengan melihat berdasarkan isu-isu berkaitan institusi-institusi tahfiz persendirian di Negeri Johor ini mampu meneruskan pentadbiran mereka dengan baik, dari sudut menyediakan guru-guru yang berkelayakan, prasarana dan kemudahan infrastruktur yang mencukupi, juga sijil-sijil yang diiktiraf. Dapatan kajian akan digunakan untuk memperbaiki kelemahan dan memantapkan lagi kelebihan yang telah wujud dengan diwujudkan satu badan khas yang mengawalselia seluruh madrasah atau maahad tahfiz kerajaan mahupun persendirian.

VII. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan isu-isu yang timbul beberapa cadangan yang dikumpul daripada beberapa individu mahupun wakil masyarakat dan melihat keberadaan institusi pendidikan tahfiz telah sekian lama adalah sewajarkan pihak berkuasa negeri menubuhkan satu badan khas dengan nama *Tahfiz Quality Assurance* (TQA). Badan ini bersifat autoriti dalam mengawal *standart* dan memberi garis panduan kepada pendidikan tahfiz di Negeri Johor. TQA tertumpu kepada penilaian program dengan menggunakan beberapa bahagian penilaian jaminan kualiti dan penambahbaikan kualiti secara berterusan. Setiap institusi tahfiz hendaklah berdaftar di bawah Bahagian Pendidikan JAINJ. Selain pihak JAINJ, pihak yang akan menjalankan tanggungjawab dalam TQA adalah Majlis Agama Islam Johor dan Penal Audit yang terdiri dari ahli akademik seperti MARSAH, UTHM dan UTM. TQA bertanggungjawab menilai dari sudut Kualiti Pengajian dan Institusi (KPI). TQA berperanan (1) membangunkan *standard* dan selenggara, (2) menilai, (3) memantapkan jaringan kerjasama antara kualiti dan pihak berkepentingan serta (4) penarafan.

Dalam penilaian KPI perkara-perkara yang akan disentuh adalah merangkumi sudut visi, misi dan matlamat pendidikan, reka bentuk dan penyampaian kurikulum, pemilihan, khidmat sokongan pelajar dan sumber pendidikan, penilaian pelajar, pemantauan, semakan program dan kualiti yang berterusan, terakhir staf akademik, kepimpinan, governan dan pentadbiran. Berdasarkan cadangan yang dinyatakan tersebut, pengkaji mengharapkan institusi tahfiz di negeri Johor ini mempunyai satu panduan khas dan standart bagi menjamin kualiti dari semua aspek. Disamping memudahkan pihak (JAINJ) menyalurkan data tahunannya kepada mana-mana institusi Tahfiz yang memenuhi standart tersebut. Seterusnya memberi peluang kepada pelajar yang telah tamat laluan sama ada untuk kerjaya ataupun meneruskan pengajiannya ke IPT.

VIII. PENUTUP

Bertitik tolak demi kecemerlangan pendidikan tahfiz di Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor telah mengorak langkah dengan menerima pendaftaran sekolah-sekolah atau madrasah-madrasah tahfiz di negeri ini ialah semata-mata ingin memastikan sistem pendidikan tahfiz al-Quran lebih berkembang maju dan tersusun rancak seiring dengan hasrat kerajaan dalam melakukan transformasi pendidikan tahfiz al-Quran. Selaras dengan usaha kerajaan, satu usaha bersepadu dari pihak pemerintah mahupun pengurusan institusi tahfiz perlu dijalankan bagi melihat sejauh mana pendidikan tahfiz al-Quran di negeri Johor dalam merealisasikan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. (DPTN)

Pemeriksaan pendidikan dan pentadbiran tahfiz al-Quran yang menyeluruh perlu dimartabatkan kepada setiap individu mahupun organisasi supaya al-Quran itu tidak hanya sekadar menjadi perhiasan tulisan yang cantik atau dibaca semata-mata tetapi ia dipraktikkan dalam setiap jiwa manusia sekaligus memberi peluang untuk kebolehpasaran mereka dalam berbagai bidang dan kerjaya.

RUJUKAN

Artikel Jurnal:

- [1] Mohd Zul Roslan, Suhana Abd Hamid & Hasidi Besah, Latarbelakang, peranan dan perkembangan pendidikan agama di negeri johor: sekolah agama kerajaan johor, *Jurnal Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor Edisi Khas*. 2018.
- [2] Kamarul Azmi Jasmi, Pemerkasaan pendidikan islam masa hadapan di johor – satu penilaian sejarah, *Jurnal Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor Edisi Khas*, 2018.

Buku:

- [3] Manna' al-Qattan, *Mabahith fi 'ulum al-qur'an* (2015).
- [4] Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah., *Penyebaran islam dan silsilah ulama sejagat dunia melayu* (Pengenalan Siri Ke-2 . Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1999).
- [5] Jakim, *Sejarah majlis tilawah al-quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa* (Cet 1, Kuala Lumpur: JAKIM. 2003a).
- [6] Jakim, *Jabatan kemajuan islam malaysia* (Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad. 2003b).
- [7] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia., *Sambutan 35 tahun jakim: penjana umat bertaqwa dan progresif* (Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad, 2003)
- [8] Jabatan Agama Islam Negeri Johor, *Buletin pendidikan* (bil 2, 2014-2015, Johor Bahru. 2015).

Kertas Kerja Prosiding:

- [9] Mad Som Sujimon, Memperkasakan sistem darjah khas agama negeri johor: satu gagasan baru, *Kertas Kerja Perbentangan Multaqa Ulama Negeri Johor ke-3*, 2013

Laman Web:

- [10] [Http://www.darulquran.gov.my/xs/page.php?Id=4](http://www.darulquran.gov.my/xs/page.php?Id=4)
- [11] [Http://says.com/my/seismik/kronologi-kes-membabitkan-kebakaran-pusat-tahfiz-yang-direkodkan-sejak-tahun-2007](http://says.com/my/seismik/kronologi-kes-membabitkan-kebakaran-pusat-tahfiz-yang-direkodkan-sejak-tahun-2007)
- [12] [Http://Www.Astroawani.Com/Berita-Malaysia/Pusat-Tahfiz-Terbakar-23-Maut-Empat-Serius-155182](http://Www.Astroawani.Com/Berita-Malaysia/Pusat-Tahfiz-Terbakar-23-Maut-Empat-Serius-155182)
- [13] [Https://Www.Rocketkini.Com/2017/09/26/Maiwp-Tidak-Boleh-Lepas-Tangan-Tragedi-Pusat-Tahfiz-Terbakar-Kata-Peguam/](https://Www.Rocketkini.Com/2017/09/26/Maiwp-Tidak-Boleh-Lepas-Tangan-Tragedi-Pusat-Tahfiz-Terbakar-Kata-Peguam/)
- [14] [Https://www.bhonline.com.my/berita/kes/2017/07/306788/asrama-maahad-tahfiz-terbakar](https://www.bhonline.com.my/berita/kes/2017/07/306788/asrama-maahad-tahfiz-terbakar)
- [15] [Https://www.bhonline.com.my/berita/kes/2017/10/335253/asrama-tahfiz-nur-al-quran-terbakar](https://www.bhonline.com.my/berita/kes/2017/10/335253/asrama-tahfiz-nur-al-quran-terbakar)
- [16] [Https://www.bhonline.com.my/berita/kes/2017/10/340775/asrama-tahfiz-terbakar-ketika-pelajar-mengaji-al-quran](https://www.bhonline.com.my/berita/kes/2017/10/340775/asrama-tahfiz-terbakar-ketika-pelajar-mengaji-al-quran)
- [17] [Https://Malaysiadateline.Com/Jakim-Jain-Tiada-Task-Force-Tidak-Sepadu-Tadbir-Institusi-Pondok-Maahad-Tahfiz-Swasta/](https://Malaysiadateline.Com/Jakim-Jain-Tiada-Task-Force-Tidak-Sepadu-Tadbir-Institusi-Pondok-Maahad-Tahfiz-Swasta/)
- [18] [Https://www.bhonline.com.my/berita/kes/2018/02/390277/asrama-terbakar-17-pelajar-tahfiz-selamat](https://www.bhonline.com.my/berita/kes/2018/02/390277/asrama-terbakar-17-pelajar-tahfiz-selamat)
- [19] [Https://Www.bhonline.Com.My/Rencana/Muka10/2017/10/338437/Isu-Tahfiz-Perlu-Penyelesaian-Jangka-Panjang](https://Www.bhonline.Com.My/Rencana/Muka10/2017/10/338437/Isu-Tahfiz-Perlu-Penyelesaian-Jangka-Panjang)

Temubual:

- [20] Temubual bersama Tuan Hj Radhi bin Ruslan selaku Penolong Pengarah Kanan, Unit Pengurusan Sekolah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) pada 04 Mac 2018, pukul 3.15 hingga 4.00 petang di Pejabat Bahagian Pendidikan, JAINJ.
- [21] Temubual bersama Ustaz Mohd Afifuddin bin Md Jamil, Mudir Tahfiz, Madrasah Tahfiz Al-Quran At-Tanwiriah, Muar pada 18 Feb 2018.